

11/03/2001

Osu nafi terima surat mengenai penggiliran KM

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata, beliau tidak menerima sebarang surat daripada pucuk pimpinan mengenai soal penggiliran Ketua Menteri daripada Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, yang menemuinya di pejabatnya di sini, Khamis lalu.

Beliau berkata, kemungkinan ada surat yang diberi adalah mengenai permohonan kerajaan negeri berkaitan soal pembangunan negeri.

"Saya tidak ingat (menerima surat mengenai penggiliran). Orang datang dan jumpa (saya)...kita bincang bukan soal penggiliran.

"Yang datang berjumpa untuk kunjungan hormat atau berjumpa sempena lawatan ke Sabah...macam-macam berlaku dalam perjumpaan. Tapi tidak ada berkaitan penggiliran," katanya menjawab soalan pemberita selepas majlis pelancaran buku 'Sumbangan UKM dalam pembangunan Sabah' di sini semalam.

Osu yang hampir menamatkan tempoh giliran dua tahun sebagai Ketua Menteri, diminta mengulas spekulasi kononnya Aziz yang menemuinya Khamis lalu, ada membawa bersama surat penggiliran Ketua Menteri.

Ditanya adakah ada surat diserahkan kepadanya, beliau menjawab: "Saya tidak ingat sama ada terdapat surat...yalah, surat apa, saya pun tidak tahu. Mungkin ada surat berkaitan pembangunan. Yang pasti bukan soal penggiliran," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi penjelasan mengenai perkara itu dan semua pihak perlu menunggu keputusan yang akan dibuat nanti.

"Kita beri masa dan tunggu apa yang diputuskan. Sementara itu, kita perlu meneruskan tugas harian seperti biasa," katanya.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata, Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno kelmarin telah memberi mandat kepada Presiden membuat keputusan mengenai penggiliran itu.

(END)